

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

SESI BERSAMA PRESIDEN JULAI 2026

29 JULAI 2026 (RABU)

9.00 PAGI

AUDITORIUM ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI
dan Salam Koperasi.

Warga ANGKASA Yang Dikasihi,

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama
memanjatkan setinggi-tinggi

kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita sekali lagi diberikan kesempatan untuk berhimpun dalam Sesi Bersama Presiden bagi bulan Julai 2026.

2. Saya berharap seluruh warga ANGKASA sentiasa berada dalam keadaan sihat, diberikan kekuatan dan terus bersemangat dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Sesi Bersama Presiden adalah ruang untuk kita menyatukan pandangan, memperkukuhkan hubungan dan memastikan seluruh warga ANGKASA memahami arah perjalanan organisasi.

3. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja ANGKASA atas komitmen serta dedikasi serta kyang telah diberikan dalam memastikan setiap agenda

organisasi dapat dilaksanakan dengan baik. Sesungguhnya, setiap kejayaan yang dicapai oleh ANGKASA tidak berlaku secara kebetulan.

- 4. Di sebalik setiap program yang berjaya dilaksanakan, setiap sasaran yang dicapai dan setiap kemajuan yang kita kecapai, terdapat usaha, masa, tenaga dan pengorbanan warga kerja yang sentiasa memberikan yang terbaik.** Kekuatan organisasi bukan hanya terletak pada perancangan yang hebat tetapi pada manusia yang melaksanakan perancangan tersebut dengan penuh amanah.

Warga ANGKASA yang saya kasihi

- 5.** Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga ANGKASA yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam

menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) yang telah berlangsung pada bulan lalu. Alhamdulillah, keseluruhan perjalanan MAPA dapat dilaksanakan dengan begitu baik hasil daripada kerjasama erat semua pihak. Saya ingin menegaskan bahawa kejayaan MAPA tidak hanya diukur melalui kelancaran perjalanan program tersebut tetapi lebih besar daripada itu, ia mencerminkan tahap profesionalisme dan semangat berpasukan warga ANGKASA kepada para perwakilan.

- 6. Kita perlu memahami bahawa apabila sesuatu program membawa nama ANGKASA, ia bukan lagi menjadi tanggungjawab satu bahagian atau satu kumpulan tertentu sahaja.** Setiap individu memainkan peranan penting dalam memastikan imej dan reputasi organisasi terus terpelihara. Ada yang bekerja di hadapan, ada yang bekerja di belakang tabir, ada yang

memastikan perancangan berjalan lancar dan ada yang menyelesaikan perkara-perkara kecil yang sering tidak kelihatan. Namun hakikatnya setiap sumbangan itu mempunyai nilai yang besar. Kerana kejayaan besar sentiasa dibina daripada usaha kecil yang dilakukan dengan penuh kesungguhan.

7. Saya berharap semangat kerjasama dan budaya kerja berpasukan yang ditunjukkan sepanjang MAPA akan terus menjadi budaya dalam ANGKASA. Janganlah kita hanya bersatu apabila berhadapan dengan program besar atau tugas penting sahaja. Sebaliknya jadikanlah semangat kebersamaan itu sebagai cara kerja harian kita.

8. Rasulullah SAW juga bersabda dalam satu hadis yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah mencintai seseorang apabila dia melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya

dengan itqan (tekun dan sempurna)”
(Hadis Riwayat Baihaqi).

9. Sikap itqan ialah menolak segala sikap sambil lewa, kerja ala kadar dan ‘asal siap’. Jadi, kita perlu menjadikan tempat kerja bukan sekadar mencari rezeki, tapi untuk mendapatkan cinta Allah SWT dan menjadikan tempat kerja sebagai tapak ibadah sebagai bekalan akhirat kelak kerana cinta yang paling mahal untuk didapatkan adalah cinta Allah SWT.
10. Sebuah organisasi yang kuat bukan organisasi yang bergantung kepada individu tertentu sahaja tetapi organisasi yang setiap warganya memahami bahawa mereka mempunyai peranan dalam memastikan kejayaan bersama.

Warga ANGKASA yang dikasihi

11. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan **setinggi-tinggi tahniah**

kepada YBhg. Tuan Haji Zaharuddin Alias atas pemilihan beliau sebagai Naib Presiden ANGKASA. Pelantikan ini merupakan satu amanah yang besar dan pada masa yang sama satu pengiktirafan terhadap pengalaman serta sumbangan beliau dalam memperkukuhkan gerakan koperasi negara. Saya percaya bahawa kepimpinan bukan hanya tentang jawatan yang disandang, tetapi tentang kesediaan untuk memikul tanggungjawab, membuat keputusan yang tepat dan bersama-sama membawa organisasi bergerak ke arah yang lebih baik.

12. Tidak dilupakan juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Haji Ibrahim Haji Abdullah yang telah dipilih semula sebagai Naib Presiden ANGKASA. Pemilihan semula ini menunjukkan keyakinan dan kepercayaan yang diberikan terhadap pengalaman, kebolehan serta jasa yang telah beliau curahkan

sepanjang bersama-sama
memperkuhkan organisasi ini.
Dalam sesebuah organisasi,
kesinambungan kepimpinan amat
penting kerana pengalaman yang
ada merupakan aset berharga untuk
membantu kita membuat keputusan
yang lebih matang lebih
berpandangan jauh dalam
menghadapi cabaran masa
hadapan.

- 13.** Saya yakin dengan kepakaran dan komitmen yang dimiliki oleh kedua-dua Naib Presiden ANGKASA, YBhg. Tuan Haji Zaharuddin Alias dan YBhg. Dato' Haji Ibrahim Haji Abdullah, barisan kepimpinan organisasi akan menjadi lebih kukuh dalam meneruskan agenda transformasi ANGKASA. Namun saya ingin mengingatkan bahawa kejayaan kepimpinan tidak bergantung kepada individu semata-mata. **Kepimpinan yang kuat memerlukan sokongan daripada sebuah pasukan yang**

bersedia bekerjasama, memberikan pandangan dan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah.

- 14.** Seperti yang telah diputuskan, **YBhg. Tuan Haji Zaharuddin Alias akan menerajui Jawatankuasa Fungsi Pelaburan Strategik (CEP1) serta Jawatankuasa Fungsi Anak-anak Syarikat dan Jaringan ANGKASA.** Kedua-dua jawatankuasa ini mempunyai peranan yang amat penting kerana ia berkait rapat dengan masa depan organisasi. Kita bukan hanya melihat kepada keuntungan jangka pendek tetapi bagaimana setiap keputusan strategik yang dibuat mampu memperkukuhkan kedudukan ANGKASA, memastikan kelestarian kewangan serta memberi manfaat yang lebih besar kepada gerakan koperasi.

Warga ANGKASA Yang Dikasihi,

15. Perubahan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Dunia hari ini bergerak dengan begitu pantas dan organisasi yang tidak berubah akan ketinggalan. Kita tidak boleh menggunakan pendekatan lama untuk menghadapi cabaran baharu. Pendigitalan, kecerdasan buatan, perubahan ekonomi global dan peningkatan jangkaan pemegang taruh dan masyarakat menuntut kita supaya sentiasa bersedia melakukan penambahbaikan. **Perubahan bukan bermaksud meninggalkan perkara yang baik, tetapi memperbaiki apa yang perlu agar kita menjadi lebih kuat.**

16. Dalam konteks ANGKASA, perubahan yang paling penting bukan hanya perubahan sistem atau teknologi, tetapi perubahan minda dan budaya kerja. Saya mahu melihat warga ANGKASA yang tidak hanya menunggu arahan, tetapi warga kerja

yang berani memberikan idea, mencari penyelesaian dan mengambil inisiatif untuk memperbaiki keadaan. **Organisasi yang hebat dibina oleh individu yang sentiasa bertanya bukan “apa yang perlu saya lakukan sahaja”, tetapi “apa yang boleh saya sumbangkan untuk menjadikan organisasi ini lebih baik”.**

- 17.** Pada masa yang sama, saya ingin menegaskan bahawa dalam kita mengejar kemajuan, nilai integriti tidak boleh sesekali dikompromikan. Amanah yang diberikan kepada kita bukan sekadar untuk menyelesaikan tugas, tetapi memastikan setiap tindakan dilakukan dengan penuh tanggungjawab, ketelusan dan akauntabiliti. **Kepercayaan mengambil masa yang lama untuk dibina, tetapi boleh hilang dalam sekelip mata. Sebab itu setiap warga ANGKASA perlu memahami bahawa nama organisasi yang kita bawa**

adalah amanah yang perlu dijaga bersama.

18. Kita mungkin mempunyai bahagian yang berbeza, fungsi yang berbeza dan tanggungjawab yang berbeza, tetapi kita membawa satu nama yang sama. **Jangan wujud budaya bekerja secara berasingan atau melihat kejayaan sesuatu bahagian sebagai kejayaan sendiri. Apabila ANGKASA berjaya, kejayaan itu adalah kejayaan kita semua.** Apabila terdapat kelemahan, ia menjadi tanggungjawab bersama untuk kita perbaiki.

19. Saya juga ingin menyeru kepada semua ketua bahagian supaya terus memainkan peranan sebagai pemimpin yang membimbing dan memberi inspirasi kepada warga kerja. **Kepimpinan bukan hanya tentang memberikan arahan, tetapi tentang membina keyakinan, melahirkan bakat dan mewujudkan persekitaran**

kerja yang positif. Pemimpin yang baik bukan hanya menghasilkan keputusan tetapi menghasilkan manusia yang mampu meneruskan perjuangan organisasi pada masa hadapan.

20. Kepada seluruh warga ANGKASA, saya menyeru agar kita terus meningkatkan kemahiran dan kompetensi dalam diri. Dunia hari ini berubah dengan begitu pantas dan kita perlu sentiasa bersedia untuk belajar perkara baharu. **Jangan pernah berasa selesa dengan kejayaan yang telah dicapai kerana organisasi yang cemerlang ialah organisasi yang sentiasa memperbaiki diri dan sentiasa mencari ruang untuk menjadi lebih baik.**

21. Kita perlu menjadikan setiap kejayaan yang telah dicapai sebagai batu loncatan untuk melangkah lebih jauh. Jangan cepat berpuas hati kerana perjalanan ANGKASA masih panjang. **Tanggungjawab kita bukan hanya**

memastikan organisasi ini berjaya pada hari ini, tetapi menyediakan asas yang kukuh supaya generasi akan datang dapat meneruskan legasi yang telah kita bina.

22. Saya yakin sekiranya seluruh warga ANGKASA terus bergerak sebagai satu pasukan, memperkukuhkan kerjasama dan meletakkan kepentingan organisasi mengatasi kepentingan peribadi, tiada cabaran yang terlalu besar untuk kita hadapi. Kita bukan sekadar mengurus organisasi tetapi kita sedang membawa amanah sebuah gerakan yang memberi manfaat kepada jutaan anggota koperasi di seluruh negara.

23. Perkukuhkan hubungan antara ibu pejabat, ANGKASA Negeri, anak-anak syarikat dan seluruh jaringan organisasi. Jadikan setiap peranan yang kita laksanakan sebagai sumbangan kepada misi yang lebih besar iaitu menjadikan ANGKASA terus

relevan, dihormati dan menjadi peneraju gerakan koperasi bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat serantau dan antarabangsa.

24. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga ANGKASA atas segala komitmen, kesungguhan dan pengorbanan yang telah diberikan. Teruskan bekerja dengan penuh amanah, integriti dan semangat kebersamaan. Kerana akhirnya, kekuatan ANGKASA bukan hanya pada strategi yang kita bina, tetapi pada hati dan usaha setiap warga yang bersama-sama membawa organisasi ini ke arah kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

